



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***FAKTOR PERAMAL KEMAHIRAN KEBOLEHPASARAN DALAM
KALANGAN PELAJAR DI KOLEJ KOMUNITI DAN
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA***

ZAHARUDDIN BIN ABDUL KADIR

FPP 2014 53



**FAKTOR PERAMAL KEMAHIRAN
KEBOLEHPASARAN DALAM KALANGAN PELAJAR
DI KOLEJ KOMUNITI
DAN
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA**

ZAHARUDDIN BIN ABDUL KADIR

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2014**



© COP YRIGHT UPM



**FAKTOR PERAMAL KEMAHIRAN
KEBOLEHPASARAN DALAM KALANGAN PELAJAR
DI KOLEJ KOMUNITI
DAN
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA**

Oleh

ZAHARUDDIN BIN ABDUL KADIR

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sains**

Ogos 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**FAKTOR PERAMAL KEMAHIRAN
KEBOLEHPASARAN DALAM KALANGAN PELAJAR
DI KOLEJ KOMUNITI DAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA**

Oleh

ZAHARUDDIN BIN ABDUL KADIR

Ogos 2014

Pengerusi : Prof. Ab.Rahim Bin Bakar, Phd

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor peramal yang mempengaruhi kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar teknik dan vokasional di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara. Faktor-faktor peramal tersebut adalah konsep sendiri, motivasi pencapaian, penglibatan kokurikulum, faktor guru dan faktor persekitaran bengkel. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dilaksanakan dengan menggunakan satu set borang soal-selidik. Borang soal-selidik ini diadaptasi daripada kajian SCANS yang telah diubahsuai supaya ia menepati kepada kehendak persoalan kajian ini. Seramai 262 pelajar dari pusat pengajian kemahiran iaitu dari Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara terdiri daripada pelajar yang mengikuti kursus kemahiran yang berkaitan dengan Teknologi Eklektik telah dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak berkelompok. Data yang telah dikumpul telah dianalisis secara deskriptif dan analisis inferens. Statistik kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk memerihalkan persepsi pelajar terhadap faktor-faktor peramal dan juga menentukan tahap faktor peramal berpandukan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Ujian-t sampel bebas digunakan untuk menentukan perbezaan kemahiran kebolehpasaran antara pelajar di Kolej Komuniti dan pelajar di Institut Kemahiran Belia Negara. Hasil kajian mendapati sebahagian besar faktor peramal mencatatkan nilai pada tahap sederhana dan tinggi. Terdapat perbezaan kemahiran kebolehpasaran yang signifikan ($t(260) = 2.06, p = .04$), antara pelajar Kolej Komuniti ($M = 165.12, SD = 20.52$) dengan pelajar Institut Kemahiran Belia Negara ($M = 160.42, SD = 16.17$). Namun begitu, jika berpandukan kepada Purata Nilai Gred Kumulatif kemahiran kebolehpasaran tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan [$F(2, 259) = .059, p = .95$]. Semua faktor peramal menunjukkan hubungan positif dengan kemahiran kebolehpasaran. Analisis ujian regresi berganda mendapati, gabungan lima faktor peramal berjaya meramalkan 47 % varian kemahiran kebolehpasaran ($R^2 = .47$) dengan faktor guru merupakan peramal utama ($Beta = .417; p = .00$). Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya menentukan peramal utama kepada kemahiran kebolehpasaran.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree Master of Science

**PREDICT FACTORS ON EMPLOYABILITY SKILL AMONG OF
COMMUNITY COLLEGE AND NATIONAL YOUTH SKILLS INSTITUTE**

By

ZAHARUDDIN BIN ABDUL KADIR

August 2014

Chairman : Prof. Ab.Rahim Bin Bakar, Phd

Faculty : Educational Studies

This study aims to determine the predictor factors that acquisition the employability skills among technical and vocational students of Community College and National Youth Skills Institute. The predictor factors observed are the students' self-confidence, motivational achievements, co-curricular participations and the factors involving the teachers and the workshops surroundings. This study involved a set of questionnaires that was adapted from SCANS. Cluster random sampling of 262 students from Community College and National Youth Skills Institute majoring in Electrical Technology was used. Descriptive and inferential analyses were used to analyze the data collected. Frequency statistic, percentage, min and standard deviation were applied to describe students' perception towards the factors mentioned. They were then used to further determine the levels of which the predictor factors are categorized, be it in low, medium or the highest levels. Random sample t-test was used to differentiate the employability skills between the Community College and National Youth Skills Institute students. It was shown in the findings that most of the factors mentioned were on the higher medium or the highest levels. A significant difference can be seen in the employability skills [$t(260) = 2.06, p = .04$] between Community College ($M = 165.12, SD = 20.52$) and National Youth Skills Institute students ($M = 160.42, SD = 16.17$). Nonetheless, there is no significant difference [$F(2, 259) = .059, p = .95$] based on their accumulative grades. All of the predictor factors showed a positive correlation with employability skills. Analysis of the double regression test highlighted that the combination of all predictor factors predicted 47% variance of employability skills ($R^2 = .47$) and the highest predictor factor identified is the teachers ($Beta = .417; p = .00$). In conclusion, this study was able to determine the dominant predictor to employability skills.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT, pencipta sekalian alam kerana dengan limpah dan kurniaNya tesis ini dapat disiapkan akhirnya.

Kepada penyelia utama Prof. Dr. Ab.Rahim Bin Bakar, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Kesungguhan dan kewibawaan Prof Dr. sepanjang penyeliaan kajian ini tidak akan dilupakan. Ucapan terima kasih juga kepada ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Prof Madya. Dr. Abdullah bin Mat Rashid. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Othman Bin Talib, Dr. Zakaria Bin Abdul Rahman, Dr. Abdul Patah Bin Malek, Dr. Mohd Shafee Bin Daud dan Puan Rosnani Binti Jusoh.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan tersayang ibu dan ibu mertua, Rahimah binti Ibrahim dan Jumini binti Konteng. Tidak dilupakan isteri tercinta Zarina binti Mispar yang banyak berkorban dan pembakar semangat untuk menyudahkan tesis ini. Kepada Luthfi, Azani, Azfar, Nafisah dan Sufiah, terima kasih kerana sentiasa membekalkan senyum dan tawa.

Kepada sahabat seperjuangan, Yusri dan Nur Azlina terima kasih atas sumbangan idea yang diberikan. Akhir sekali, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tesis ini. Hanya Allah sahaja dapat membalas segala kebaikan kalian.


Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ab.Rahim Bin Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdullah Bin Mat Rashid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

**Prof. Ab.Rahim Bin
Bakar, Phd**

Tandatangan:

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

**Prof.Madya.Abdullah
Bin Mat Rashid, Phd**



KANDUNGAN**MUKA SURAT**

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Skop Kajian	8
1.9 Batasan Kajian	9
1.10 Definisi Konseptual dan Pengoperasian	9
1.11 Rumusan	13
II SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kemahiran Kebolehpasaran	14
2.3 Ciri-Ciri Kemahiran Kebolehpasaran	15
2.4 Persepsi Majikan Terhadap Keterampilan Graduan	17
2.5 Kajian Kemahiran Kebolehpasaran	18
2.6 Faktor Pemerolehan Kemahiran Kebolehpasaran	20
2.6.1 Motivasi Pencapaian	
2.6.2 Kokurikulum	
2.6.3 Gaya Pengajaran Guru	

2.6.4	Konsep Kendiri	
2.6.5	Persekitaran Bengkel	
2.7	Program Peningkatan Kemahiran Kebolehpasaran	30
2.8	Latar Belakang Pendidikan Vokasional Di Malaysia	32
2.8.1	Program Pilihan Vokasional di Sekolah Harian	
2.8.2	Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV)	
2.8.3	Program Mata Pelajaran Aliran Vokasional Kolej Vokasional	
2.8.4	Institut Latihan Kemahiran MARA	
2.8.5	Institut Kemahiran Pertanian (IPSM)	
2.8.6	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	
2.8.7	Politeknik	
2.8.8	Kolej Komuniti (KK)	
2.8.9	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)	
2.9	Model Pelaksanaan Kemahiran Kebolehpasaran	39
2.9.1	Model Kelompok Utama Kemahiran Kebolehpasaran	
2.9.2	Model Peruntukan Kursus	
2.9.3	Pengintegrasian Kemahiran Kebolehpasaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sekolah	
2.9.4	Model Terapan Tujuh Elemen Kemahiran Insaniah Institut Pengajian Tinggi Malaysia	
2.9.5	Pembangunan Kurikulum Teknikal Dan Vokasional	
2.9.6	<i>Model United State Secretary of Labour Commission on achieving Necessary Skill (SCANS)</i>	
2.9.7	<i>Model Understanding, Skills, Efficacy Beliefs, Metacognition (USEM)</i>	
2.10	Kerangka Model Kajian	50
2.11	Rumusan	51
III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	52
3.2	Kerangka Kerja Kajian	52
3.3	Reka Bentuk Kajian	54
3.4	Lokasi dan Populasi	54
3.5	Sampel Kajian	55

3.6	Instrumen Kajian	57
3.6.1	Struktur Borang Soal Selidik	
3.6.2	Item-item Negatif	
3.6.3	Kesahan Instrumen Kajian	
3.7	Kajian Rintis	62
3.7.1	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	
3.8	Kaedah Penganalisan Data	63
3.9	Rumusan	65

IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	66
4.2	Butiran Responden	66
4.3	Maklumat Deskriptif Pemboleh Ubah Kajian	68
	Apakah tahap kemahiran kebolehpasaran pelajar?	
	Apakah tahap konsep sendiri pelajar?	
	Apakah tahap motivasi pencapaian pelajar?	
	Apakah tahap penglibatan dalam kokurikulum pelajar?	
	Apakah tahap pengajaran guru?	
	Apakah tahap persekitaran bengkel?	
4.4	Perincian Pemboleh Ubah Kajian	71
4.4.1	Perincian Tahap Kokurikulum	
4.5	Apakah Terdapat Perbezaan Kemahiran Kebolehpasaran Antara Pelajar Teknik Dan Pelajar Vokasional?	74
4.6	Adakah Terdapat Perbezaan Kemahiran Antara Pelajar Teknik Dan Pelajar Vokasional Berpandukan Purata Nilai Gred Kumulatif?	75
4.7	Hubungan Antara Pemboleh Ubah	75
4.7.1	Apakah terdapat hubungan antara konsep sendiri dengan kemahiran kebolehpasaran	
4.7.2	Apakah terdapat hubungan antara aktiviti kokurikulum dengan Kemahiran kebolehpasaran	
4.7.3	Apakah terdapat hubungan antara gaya pengajaran Guru dengan Kemahiran kebolehpasaran	
4.7.4	Apakah terdapat hubungan antara persekitaran bengkel dengan Kemahiran kebolehpasaran	

4.7.5	Apakah terdapat hubungan antara motivasi pencapaian dengan kemahiran kebolehpasaran	
4.8	Faktor Yang Paling Menyumbang Kepada Pemerolehan Kemahiran kebolehpasaran	77
4.9	Kesimpulan	78

V PERBINCANGAN , CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	80
5.2	Perbincangan Deskriptif	80
5.2.1	Tahap kemahiran kebolehpasaran pelajar teknik dan vokasional	
5.2.2	Tahap motivasi pencapaian, konsep sendiri, penglibatan kokurikulum, faktor guru dan persekitaran bengkel	
5.3	Perbezaan	84
5.4	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Kajian	85
5.4.1	Hubungan antara konsep sendiri dengan kemahiran kebolehpasaran	
5.4.2	Hubungan antara motivasi pencapaian dengan kemahiran kebolehpasaran	
5.4.3	Hubungan antara penglibatan kokurikulum kemahiran kebolehpasaran	
5.4.4	Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan kemahiran kebolehpasaran	
5.4.5	Hubungan antara persekitaran bengkel dengan kemahiran kebolehpasaran	
5.5	Faktor Paling Menyumbang Terhadap Pemerolehan Kemahiran Kebolehpasaran	89
5.5.1	Faktor signifikan paling menyumbang terhadap pemerolehan kemahiran kebolehpasaran	
5.6	Kesimpulan dan Implikasi	90
5.7	Cadangan	93
5.8	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	94

BIBLIOGRAFI	95
LAMPIRAN	111
BIODATA PELAJAR	141
SENARAI PENERBITAN	142



© COPYRIGHT UPM

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Skala Tindak Balas Responden Terhadap Item	60
3.2	Jumlah Taburan Item Mengikut Aspek Kajian	61
3.3	Kebolehpercayaan item	63
3.4	Analisis persoalan kajian	64
4.1	Perincian Latar Belakang Diri Responden Dan Perancangan Setelah Tamat Pengajian	68
4.2a	Nilai min dan sisihan piawai pemboleh ubah kajian Min dan Sisihan Piawai Pemboleh ubah Kajian (N = 262)	70
4.2b	Nilai min dan sisihan piawai pemboleh ubah kokurikulum (N = 262)	71
4.3a	Tahap kecenderungan skor min	71
4.3b	Tahap Penglibatan kokurikulum	73
4.4a	Tahap min kesemua pemboleh ubah Tahap Pemboleh ubah Kajian (N = 262)	73
4.4b	Tahap pemboleh ubah penglibatan aktiviti kokurikulum	74
4.5	perbezaan kemahiran kebolehpasaran antara pelajar Institut Kemahiran Belia Negara dan Kolej Komuniti, Ujian-t sampel bebas hubungan tahap kemahiran kebolehpasaran antara Institut Kemahiran Belia Negara dan Kolej Komuniti	74
4.6	Anova sehala bagi perbezaan min perbezaan kemahiran kebolehpasaran pelajar Institut Kemahiran Belia Negara dan Kolej Komuniti berpandukan kepada jumlah keseluruhan mata gred terkumpul, Anova sehala hubungan Purata Nilai Gred Kumulatif dengan kemahiran kebolehpasaran	75
4.7	Tafsiran Pekali Korelasi	75
4.8	Hubungan antara faktor peramal dengan kemahiran kebolehpasaran	77
4.9a	Analisis korelasi menentukan hubungan antara faktor peramal dengan kemahiran kebolehpasaran dan hubungan antara semua faktor-faktor peramal	78
4.9b	Analisis Regresi Berganda untuk penentu faktor peramal terhadap penguasaan Kemahiran kebolehpasaran	78

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Penentuan Keboleh Pasaran	17
2.2	Cara Pembentukan Kendiri (Rogers, 1951)	27
2.3	Kelompok Utama Kemahiran kebolehpasaran (Kearns, 2001)	40
2.4	Model Peruntukan Kursus (Bannett, Dunne dan carre, 1999)	41
2.5	Pengintegrasian Kemahiran kebolehpasaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah BTP (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1999)	42
2.6	Model Terapan Tujuh Elemen Kemahiran Insaniah (Kementerian Pengajian Tinggi, 2001)	43
2.7	Kerangka Kerja Teoretikal Pelaksanaan Pembangunan Kurikulum Teknikal Dan Vokasional (Ahmad, 2005)	45
2.8	<i>A Schematic Model of Employability</i> (Knight dan Yorke, 2002)	49
2.9	Kerangka konseptual kajian	50
3.1	Kerangka menjalankan kajian	53

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A1	Bilangan populasi Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara	111
B1	Kategori Mata Pelajaran Yang Ditawarkan Di Kolej Vokasional	112
C1	Jadual Penentuan Saiz Sampel	113
D	Soal Selidik	114
E1	Surat Mohon Kebenaran – Kementerian Belia dan Sukan	129
E2	Surat Mohon Kebenaran – Kementerian Pengajian Tinggi	130
E3	Surat Kebenaran – Kementerian Pengajian Tinggi	131
E4	Surat Kebenaran – Kementerian Belia dan Sukan	132
E5-E12	Surat Kesahan Soal Selidik	133

SENARAI SINGKATAN

ADTEC	<i>Advance developed technology Centre</i>
ESECT	<i>Enhancing Student Employability Co-ordination Team</i>
CGPA	<i>Cumulative Grade Point Average</i>
FMM	<i>Federations of Malaysian Manufacturers</i>
IKBN	<i>Institut Kemahiran Belia Negara</i>
IKM	<i>Institut Kemahiran Mara</i>
IKTBN	<i>Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara</i>
ILJTM	<i>Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia</i>
ILP	<i>Institut Latihan Perindustrian</i>
INSEP	<i>Program Peningkatan Kemahiran Industri</i>
IPSM	<i>Institut Pertanian Semenanjung Malaysia</i>
IPTA	<i>Institusi Pengajian Tinggi</i>
KBS	<i>Kementerian Belia dan Sukan</i>
KK	<i>Kolej Komuniti</i>
KPT	<i>Kementerian Pengajian Tinggi</i>
KV	<i>Kolej Vokasional</i>
LI	<i>Latihan Industri</i>
MDC	<i>Multimedia Development Corporation Malaysia</i>
MEF	<i>Malaysian Employer federation</i>
MPV	<i>Mata Pelajaran Vokasional</i>
NCVER	<i>National Centre for Vocational Research</i>
PAV	<i>Pendidikan Asas Vokasional</i>
PdP	<i>Pengajaran dan Pembelajaran</i>
PNGK	<i>Purata Nilai Gred Kumulatif</i>
PSDC	<i>Penang Skills Development Centre</i>
PUSPATRI	<i>Johor Skills Development Centre</i>
RMKe-10	<i>Rancangan Malaysia Ke 10</i>
SCANS	<i>United State Secretary of Labour Lynnn Martin's Commission on achieving Necessary Skills</i>
SHRDC	<i>Selangor Human Resource Development Centre</i>
SKM	<i>Sijil Kemahiran Malaysia</i>
SLG	<i>Skim Latihan Graduan</i>
SPSS	<i>The Statistical Program for Social Sciences</i>
SSTC	<i>Sabah Skill and Technology Centre</i>
SUS	<i>Skim Usahawan Siswazah</i>
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
UK	<i>United Kingdom</i>
USEM	<i>Model Understanding, Skills, Efficacy Beliefs, Metacognition</i>
VET	<i>Vocational Education and Training</i>

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia berhasrat melahirkan insan yang secara keseluruhannya seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, berpandukan kepada kepercayaan kepada tuhan, raja dan negara. Usaha murni ini bertujuan untuk memastikan modal insan yang dilahirkan adalah bertanggungjawab, berilmu dan mampu memberi sumbangan kepada kesejahteraan dan keharmonian negara.

Dalam kajian ini, pendidikan vokasional dan pendidikan teknik dilihat mempunyai peranan yang amat penting. Pendidikan aliran ini dijangkakan dapat memastikan penjana modal insan yang mempunyai kemahiran sebagaimana yang dikehendaki oleh industri. Ia membolehkan negara menggarap kekayaan baru melalui modal insan yang berkemahiran tinggi. Oleh itu dilihat agenda pendidikan bermatlamatkan kemahiran hendaklah diberi keutamaan dan kualitinya hendaklah dipertingkatkan demi mengisi kekosongan keperluan tenaga kerja negara.

Lantaran dari itu Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sumber utama pembekal modal insan negara bertanggungjawab untuk melahirkan graduan yang berpendidikan dan mahir dalam pekerjaan di samping graduan yang mempunyai jati diri yang tinggi. Oleh itu kurikulum yang dibentuk mestilah untuk masa hadapan dan mestilah bersifat terbuka untuk membolehkan individu bebas dari bergantung pada subjek yang dipelajari sebagai satu rujukan sahaja.

Nordin dan Othman (2008), menyatakan kekayaan ekonomi, kestabilan politik, sistem masyarakat dan budaya sesebuah negara adalah dari cetusan kolaborasi pendidikan dan penyertaan masyarakat secara keseluruhannya. Oleh itu sistem pendidikan yang menjadi teras kepada keberhasilan modal insan dan pembangunan negara perlulah menyediakan sistem pendidikan yang dapat memenuhi tuntutan tenaga kerja yang berkemahiran dan profesional (Ab Rahim dan Ivan, 2007)

Kemahiran yang di maksudkan dalam kajian ini adalah menjurus kepada Kemahiran kebolehpasaran. Ia juga dikenali dengan kemahiran generik, kemahiran insaniah serta *“core skill, essential skill, employability skill, basic skill, critical enabling skills, transferable skills, key qualifications, trans-disciplinary goal, dan process independent qualification”* (NCVER, 2003).

Sebagai memenuhi tanggungjawab kerajaan terhadap pelajar yang keciciran, maka di bawah memorandum yang dikemukakan oleh Menteri Pelajaran

Malaysia. Kabinet telah bersetuju menubuhkan dan membina Kolej Komuniti (KK) di setiap kawasan parlimen bermatlamatkan kepada:

- i. Penyediaan keperluan latihan kemahiran kepada semua
- ii. Penyediaan tempat mendapat pendidikan pekerjaan kepada pelajar yang tercicir dan memberi peluang untuk meneruskan pengajian ke tahap tertinggi

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010)

Manakala Pusat Latihan Belia atau lebih dikenali sebagai Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) telah mula ditubuhkan pada tahun 1964. Tujuan utama penubuhannya adalah memberi peluang latihan kemahiran kepada belia keciciran. Dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh kerajaan untuk menyediakan belia yang berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan, maka matlamat penubuhan Institut Kemahiran Belia Negara dapat diterjemahkan sebagai:

- i. Menyediakan pelbagai peluang latihan kemahiran kepada belia
- ii. Memberikan latihan keusahawanan kepada belia melalui latihan kemahiran
- iii. Melaksanakan program berbentuk insaniah untuk melahirkan belia yang unggul dan jati diri yang tinggi.

Sumber: Kementerian Belia Dan Sukan (2010)

1.2 Latar belakang Kajian

Perubahan ekonomi dalam era globalisasi, perubahan teknologi, persaingan yang tinggi dan permintaan pelanggan yang sofistikated memberi gambaran bahawa industri lebih memfokuskan kepada pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran kebolehpasaran. Oleh itu di Malaysia telah berlaku perubahan sistem pendidikan teknikal dan pendidikan vokasional bermula pada era tahun 80-an untuk menghasilkan pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran kebolehpasaran. Kini perubahan itu lebih dirasai dengan adanya Transformasi Pendidikan Negara bermula 2013 hingga 2025. Tujuan utama berlakunya perubahan dalam sistem pendidikan di sebabkan pendidikan yang sedia ada dirasakan tidak mampu untuk bergerak seiring dengan kehendak dan keperluan pembangunan negara pada masa kini. Oleh itu plan transformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan diharap mampu untuk merealisasikan kehendak dan keperluan masyarakat dan negara. Rahmah (1999) melaporkan kajian membuktikan bahawa kekayaan sumber alam tidak menjamin pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sekiranya pembangunan sumber manusia tidak diberikan perhatian dan tidak diuruskan dengan baik.

Dalam permasalahan ini kerap kali majikan menyuarakan bahawa modal insan yang dilahirkan tidak dapat menyesuaikan kemahiran dan keperluan di tempat kerja. Ini kerana majikan lebih mementingkan pekerja yang menguasai kemahiran berkaitan dengan keupayaan individu, yang boleh dipindahkan atau digunakan untuk melakukan sebarang tugas di mana-mana peringkat kerjaya (Raybould dan Sheedy, 2005). Manakala Cox dan King (2006) dalam kajiannya menyatakan majikan kini amat menekankan dua aspek yang perlu ada pada seseorang graduan iaitu kemahiran yang boleh dipindahkan dan kemahiran subjek.

Sementara itu Robinson (2000), menyatakan bahawa pekerja masa kini mestilah mempunyai kemahiran berkaitan dengan sikap dan tindakan yang membolehkan pekerja dapat berkomunikasi dengan rakan sekerja dan melakukan penyeliaan, membuat keputusan dan melahirkan pendapat. Manakala Ortiz (2007) mencadangkan kemahiran kepimpinan, kemahiran perhubungan pelanggan, kemahiran orientasi perniagaan, kemahiran membuat persembahan, kemahiran menulis, kemahiran komunikasi dan kemahiran bersosial adalah termasuk dalam kemahiran kebolehpasaran. Daripada kajian (Nordin dan Tahir, 2004; Adibah, 2005) jelas menyatakan bahawa nilai tambah ada pada seseorang pekerja itu sekiranya ia dapat menguasai kemahiran kebolehpasaran seperti dapat menguasai kemahiran berkomunikasi, memproses data dan maklumat, dapat bekerja dalam satu pasukan dan berkeupayaan menyelesaikan masalah.

Selain daripada itu, kajian dalam negara menunjukkan pendidikan teknik dan vokasional berhadapan dengan cabaran untuk melahirkan graduan yang menguasai sikap kerja dan kemahiran kebolehpasaran sebagaimana kajian yang dibuat oleh Rasul, Ismail, Rajuddin, Amnah dan Rauf (2009) yang mencadangkan kurikulum yang dibangunkan mestilah memenuhi aspek kemahiran yang diperlukan oleh majikan dan industri. Di dapati kajian oleh Rasul serta rakan-rakan juga sejajar dengan kajian (Ramlee, Faridah, Ruhizam, Norzaini, Hamidah, Wahab dan Sobri (2008) yang menyatakan hubungan pendidikan dan majikan. Mereka berpendapat bahawa kurikulum yang digubal berasaskan kemahiran kebolehpasaran lebih memudahkan tenaga pengajar untuk melahirkan pelajar yang memenuhi keperluan dalam pasaran, oleh itu pusat pengajian tinggi perlulah menyediakan keperluan kurikulum yang sepadan dengan industri agar graduan mempunyai dan menguasai kemahiran kebolehpasaran.

Dari konteks penyampaian ilmu dalam bidang teknik dan vokasional. Ia dilihat berkaitan dengan penggunaan bengkel atau makmal, seperti mata pelajaran Sains. Poh (1998) berpendapat proses pengajaran yang melibatkan bengkel atau makmal amat mementingkan penglibatan '*hands on*' dan '*minds on*' yang memerlukan pelaksanaan projek. Justeru itu setiap pelajar perlu melaksanakan tugas dalam bentuk praktikal dan penyelesaian masalah. Sementara itu Ab. Rahim dan Ivan (2007) menyatakan untuk menerapkan kemahiran kebolehpasaran dengan mudah dan lancar. Penyampaian ilmu pendidikan

teknikal dan latihan vokasional, memerlukan penyediaan prasarana yang sempurna. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang baik serta pensyarah yang berkeupayaan, mahir dan berpengalaman.

1.3 Penyataan Masalah

Dalam konteks sebuah negara Malaysia yang berjaya, pendidikan merupakan agen yang penting dalam pembinaan satu bangsa yang sejahtera. Agenda ini dapat direalisasikan melalui pendidikan berbentuk kemahiran. Keutamaan ini dinyatakan dalam Rancangan Malaysia yang ke-10 yang dibentangkan di Parlimen pada 30 hari bulan Jun 2010 dalam usaha untuk "Mempertingkatkan Kualiti Pelajar" melalui aspirasi mentransformasikan Malaysia ke arah "Ekonomi Berpendapatan Tinggi dan Maju". Dalam tempoh pelaksanaan 2011 hingga 2015 beberapa matlamat perlu di capai. Oleh itu beberapa aras petunjuk telah digariskan di bawah seliaan Seksyen Pembangunan Modal Insan, Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Ini termasuklah kadar pengangguran pada tahap 3.1% dan penggunaan tenaga buruh pada tahap guna tenaga penuh pada tahun 2015 di samping ingin mencapai guna tenaga penuh, kerajaan juga ingin menjadikan pekerja di negara ini "membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia" (Jabatan Perdana Menteri, 2011).

Berdasarkan harapan, matlamat, perancangan dan komitmen kerajaan, semua sektor yang terlibat telah digembleng dan bersedia untuk memenuhi harapan dan matlamat tersebut. Berdasarkan unjuran guna tenaga negara pada tahun 2015, peratusan pekerja mahir dijangka meningkat kepada 33% sementara guna tenaga separuh mahir pula 67%. Ia melibatkan empat bidang yang diberi keutamaan iaitu pertama komunikasi dan infrastruktur, ke dua pendidikan, ke tiga elektrik dan elektronik dan ke empat minyak, gas dan tenaga (Jabatan Perdana Menteri, 2012).

Oleh itu setiap individu yang menjejakkan kaki ke institusi pengajian tinggi, perlu mengambil peluang yang terbentang luas apabila menamatkan pengajian kelak. Dalam hal ini menurut Saiful (2002), individu yang telah menamatkan pengajian mempunyai sasaran untuk bekerja dan berkeinginan untuk menjawat jawatan tinggi, ingin menjadi ketua atau berkeinginan mendapat pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Sementara itu Faizah (2004), menyatakan dengan mempunyai kemahiran, keperluan mendapatkan pekerjaan merupakan harapan setiap insan dalam kehidupan. Ini membuktikan bahawa latihan yang diperoleh semasa berada di institusi latihan memberikan kelebihan dalam membentuk masa hadapan yang lebih cemerlang.

Berdasarkan laporan kajian pengesanan pelajar Institut Pengajian Tinggi Malaysia dalam Buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan II 2008 / 2009,

menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2008 / 2009 adalah seramai 174,000. Daripada jumlah keseluruhan ini bilangan graduan yang masih belum bekerja berjumlah 42,955 orang, bersamaan 24.6%. Sementara itu bilangan pelajar dari Kolej Komuniti yang belum bekerja berjumlah 2,370 orang. Ini bersamaan dengan 5.5% daripada jumlah pelatih yang bergraduan pada tahun 2008 / 2009 di IPT di seluruh negara. Daripada jumlah ini pula ia mewakili 36.4% daripada 6,517 pelatih yang bergraduan di Kolej Komuniti (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010).

Daripada jumlah keseluruhan pelatih yang bergraduan di Institusi Pengajian Tinggi di seluruh negara bilangan pelatih dalam bidang teknikal yang masih belum bekerja adalah 12,865 orang. Ini mewakili 27.6% daripada semua bidang pengajian iaitu sastera, sains, teknologi maklumat dan komunikasi serta pendidikan. Bidang pendidikan mewakili jumlah tidak bekerja yang paling sedikit iaitu seramai 996 orang bersamaan dengan 4.7%. Berdasarkan dapatan tersebut, bilangan pelatih di bidang teknikal yang masih belum mendapat pekerjaan dari Kolej Komuniti ialah 15.5% (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010).

Sementara itu laporan yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Menteri Dato 'Seri Sabri Yaakob semasa Majlis Konvokesyen IKBN peringat kebangsaan di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang menyatakan, daripada 10,030 orang graduan diploma dan sijil di Institut Kemahiran Belia Negara, hanya seramai 8,525 orang telah mendapat pekerjaan iaitu bersamaan 85%. (Kementerian Belia dan Sukan, 2011). Manakala laporan daripada perangkaan tenaga buruh, Malaysia bagi bulan Februari 2014 melaporkan seramai 446,000 orang penganggur di seluruh negara. Laporan ini menyatakan kadar penyertaan tenaga kerja merekodkan penurunan pada bulan Februari 2014 kepada 67.4 peratus berbanding 67.8 peratus pada bulan sebelumnya. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014).

Daripada data yang diperoleh menunjukkan, masih terdapat sebilangan graduan masih mencari-cari peluang pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran yang mereka miliki. Dalam hal ini, data yang diperoleh daripada kajian pengesanan pelajar IPTA, mendapati pelbagai faktor telah mempengaruhi kebolehan pasaran graduan di negara ini. Majoriti responden (58.1%) yang tidak bekerja memaklumkan mereka sedang mencari pekerjaan, 14.3% sedang menunggu penempatan pekerjaan dan 10.3% menyatakan kerana tamat kontrak. Sementara itu daripada laporan yang sama, didapati sejumlah 27.6% graduan yang telah menamatkan pengajian dari luar negara masih tidak mendapat pekerjaan. Seo (2003) menyatakan fenomena ini berlaku di sebabkan graduan kurang penguasaan kemahiran kebolehpasaran. Kenyataan ini telah di sokong oleh Nurita, Fatimah, Noor dan Hanifah (2010), yang menyatakan selain pencapaian akademik cemerlang, siswazah perlu mempunyai kemahiran kebolehpasaran yang tinggi seperti boleh berkomunikasi secara berkesan, berkemahiran memimpin, bekerja dalam pasukan, berfikiran

kritis, sifat keusahawanan, ingin terus belajar dan boleh mengurus maklumat dengan berkesan serta beretika dan keterampilan secara professional.

Isu untuk menyediakan graduan yang mempunyai kemahiran kebolehpasaran boleh dirujuk kepada kenyataan oleh Thi (2013) yang menyatakan bahawa pusat pengajian hanya memberi pengetahuan profesional tetapi tidak kepada kemahiran kebolehpasaran yang sepatutnya. Beliau juga menyatakan kurikulum dan kaedah pengajaran tradisional masih dipraktikkan di universiti dimana keadaan ini tidak menyokong kepada pembangunan kemahiran kebolehpasaran pelajar. Thi (2013) juga menegaskan kaedah pengajaran tradisional yang digunakan hanya menyampaikan ilmu kepada pelajar, gaya pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan dan penilaian hanya berasaskan pada peperiksaan. Justeru itu pelajar hanya datang ke kelas adalah untuk mendapatkan pengetahuan bagi menghadapi peperiksaan. Semua pendekatan ini menghalang usaha-usaha untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran kebolehpasaran yang diperlukan.

Sementara itu dari konteks psikologi dalam pemerolehan kemahiran kebolehpasaran, Bandura (1997) menyatakan individu yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi akan mempunyai ciri-ciri daya usaha yang tinggi berbanding individu yang mempunyai konsep sendiri yang rendah, oleh itu daya usaha yang berterusan akan memberi kesan kepada prestasi dan pencapaian seseorang individu. Manakala Ingrid dan Melinde (2013) mendapati konsep sendiri pelajar lepasan ijazah menjadi faktor peramal mempengaruhi tingkah laku sosial pelajar dalam pembangunan kerjaya. Kajian terkini oleh (Heydar, 2013; Rosma, Mohd Izham dan Noor Hafiza, 2014) menyatakan dari persepsi pelajar faktor konsep sendiri boleh mempengaruhi pembelajaran dalam konteks kemahiran kebolehpasaran.

Kajian oleh John, Caroline dan Chemosit (2009) pula mendapati terdapat hubungan antara motivasi pelajar dengan kemahiran kebolehpasaran iaitu kemahiran pemikiran kritis dan interaksi dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian juga mendapati faktor guru, pentadbir, kaunselor dan persekitaran adalah faktor peramal kepada peningkatan motivasi pelajar. Oleh itu rumusan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran kebolehpasaran pelajar dipengaruhi oleh motivasi pelajar, guru, pentadbir, kaunselor dan persekitaran. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh (Rahil, Habibah, Loh, Muhd Fauzi, Nooreen dan Maria, 2006; David, Amber dan Celina, 2009) yang menyatakan guru yang mempunyai tingkah laku yang positif akan meningkatkan motivasi dan keprihatinan pelajar terhadap pembelajaran. Manakala Pintrich dan Schunk (2002) menyatakan hubungan motivasi dengan persekitaran, di mana mereka menyatakan motivasi adalah satu fenomena yang kompleks dan dinamik. Motivasi boleh dipengaruhi oleh faktor sekeliling, ini bermakna reka bentuk kurikulum dan persekitaran pembelajaran memainkan peranan dalam pembentukan motivasi dan tahap motivasi.

Manakala kajian oleh Atlay dan Harris (2000) menyatakan kepentingan persekitaran pembelajaran dan nilai budaya di pusat pengajian tinggi dapat memberi manfaat kepada pelajar dan kakitangan ke arah kecemerlangan. Kenyataan ini disokong oleh (Rusni, 2005; Sabariah, 2006), yang menyatakan persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kognitif, psikomotor, efektif dan sosial para pelajar.

Berdasar kajian lepas dapat dirumuskan bahawa kegagalan penguasaan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar adalah berpunca daripada sumber dalaman kitaran pendidikan, seperti pelajar, pensyarah, persekitaran pembelajaran, kurikulum dan kokurikulum. Bertitik tolak daripada permasalahan yang timbul maka pengkaji berpendapat bahawa pendidikan teknik dan vokasional perlu menitik beratkan kepada keupayaan seseorang individu untuk mencapai tahap kemahiran yang ditetapkan dan yang telah dikenal pasti. Oleh itu kajian ini mesti memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran kebolehpasaran ke tahap yang diharapkan oleh industri.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran kebolehpasaran dan mengenal pasti hubungan antara faktor peramal dengan pemerolehan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara.

1.5 Objektif Kajian

- i. Menentukan tahap Kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara
- ii. Menentukan tahap faktor peramal Kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara
- iii. Menentukan perbezaan Kemahiran Kebolehpasaran antara pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara
- iv. Mengenal pasti perbezaan hubungan antara Kemahiran Kebolehpasaran berdasarkan pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif
- v. Mengenal pasti hubungan antara faktor peramal dengan Kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara
- vi. Mengenal pasti faktor peramal yang mempengaruhi kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara

1.6 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian yang dijalankan, soalan-soalan berikut dikemukakan :

- i. Apakah tahap Kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara?
- ii. Apakah tahap faktor peramal Kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara?
- iii. Adakah terdapat perbezaan Kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara?
- iv. Adakah terdapat perbezaan Kemahiran Kebolehpasaran berdasarkan pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif
- v. Adakah terdapat hubungan antara faktor peramal terhadap Kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara?
- vi. Apakah faktor peramal boleh meramal Kemahiran Kebolehpasaran dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap akan memberi faedah dalam bentuk maklumat kepada pelajar, pensyarah, pihak pentadbir dan penggubal dasar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara, khususnya untuk meningkatkan kemahiran kebolehpasaran pelajar di pusat pengajian. Oleh itu hasil kajian diharap dapat memberi maklumat yang berguna berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara. Selain dari itu, ia juga dapat membantu pelajar mengenal pasti jenis-jenis kemahiran kebolehpasaran yang sangat diperlukan oleh majikan dan seterusnya dapat mengamalkan kemahiran tersebut semasa berada di alam pekerjaan serta dapat meningkatkan keterampilan pelajar agar dapat menghadapi alam pekerjaan yang bersifat global. Akhirnya diharap segala maklumat yang diperolehi akan dapat memberi rujukkan kepada pelajar, pensyarah, pentadbir serta pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan tentang kekuatan dan kelemahan yang perlu diberi perhatian untuk dilaksanakan pada masa yang akan datang.

1.8 Skop Kajian

Kajian yang dilakukan hanya terbatas kepada pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara di seluruh negara. Pengaruh faktor bebas konsep sendiri, motivasi pencapaian, penglibatan kokurikulum, gaya pengajaran guru dan persekitaran bengkel akan di kaji dalam suasana di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara, dalam kajian ini, kemahiran kebolehpasaran yang dikaji merujuk kepada kajian SCANS (1991), yang terbahagi kepada dua elemen yang telah dikenal pasti iaitu :

- i. Kemahiran Teras / Asas:
 - a. Kemahiran asas- boleh membaca, boleh menulis, mendengar dan berucap
 - b. Kemahiran berfikir – berfikir secara kreatif, boleh memberi kata putus dan menyelesaikan masalah, berfikir dengan mata hati dan minda, mengetahui bagaimana belajar dan berhujah
 - c. Kualiti peribadi – bertanggung jawab, harga diri, pengurusan diri, hubungan sosial dan jujur

- ii. Kemahiran Kompetensi :
 - a. Pengurusan sumber - masa, kewangan, bahan dan *facility* dan manusia
 - b. Inter personal – kerja berpasukan, mengajar kawan kemahiran baru, perkhidmatan pelanggan, kepimpinan, berunding dan kepelbagaian
 - c. Maklumat – memperoleh dan menggunakan maklumat, interpretasi dan komunikasi dan kemahiran menggunakan komputer
 - d. Sistem – memahami sistem, memantau dan membetulkan pencapaian dan mereka bentuk sistem
 - e. Teknologi – memilih teknologi dan penyelenggara perkakasan

Kajian ini hanya mengkaji hubungan faktor pemboleh ubah bebas dengan penguasaan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara di seluruh negara yang berada di semester akhir pengajian di Jabatan Elektrik. Untuk menjalankan kajian ini, wujud batasan di luar kawalan merangkumi ruang masa yang amat terhad dan faktor kewangan. Di samping itu ketepatan hasil kajian bergantung pada kejujuran dan keikhlasan responden menjawab semua item dalam instrument kajian yang diedarkan berkaitan faktor peramal dan kemahiran kebolehpasaran.

1.10 Definisi Konseptual dan Operasional

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan beberapa istilah dan kajian ini hanya tertumpu dalam ruang lingkup definisi kata-kata yang diberikan. Definisi istilah yang diterangkan dalam bahagian ini hanya bersesuaian dengan konteks kajian ini sahaja.

1.10.1 Peramal

Menurut istilah analisis statistik, Margaret (2014) mendefinisikan peramal sebagai satu sumber maklumat data berkenaan dengan kebarangkalian dan keadaan masa depan, di mana pemboleh ubah boleh diukur bagi entiti individu atau entiti lain untuk meramal tingkah laku di masa depan. Sementara itu analisis ramalan merupakan analisis awal yang digunakan untuk membuat ramalan tentang peristiwa masa depan yang tidak diketahui. Analisis peramal membolehkan organisasi lebih proaktif, berpandangan jauh, mementingkan hasil dan bertingkah laku atau bertindak balas berdasarkan data yang diperolehi dan bukannya merujuk kepada pandangan dan jangkaan (Marriott, 2005).

Dalam konteks kajian ini peramal bermaksud faktor-faktor bebas iaitu konsep sendiri, motivasi pencapaian, penglibatan kokurikulum, gaya pengajaran guru dan persekitaran bengkel yang boleh meramal pemerolehan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara.

1.10.2 Kemahiran kebolehpasaran

Kemahiran kebolehpasaran seperti yang dinyatakan oleh *The Conference Board of Canada* (2000) adalah istilah berkaitan kemahiran serta kualiti pekerja baru yang diperlukan oleh majikan. Sementara itu Gainer (1998) memberi takrifan kemahiran kebolehpasaran adalah kebolehan seseorang dan usahanya untuk kerjaya manakala Lankard (1990) pula mendefinisikan kemahiran kebolehpasaran sebagai gambaran individu berkaitan kemahiran berhubung dan sikap bersosial yang baik. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) pula merumuskan Kemahiran kebolehpasaran melibatkan elemen kognitif. Ia berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama dalam berpasukan dan pembelajaran berterusan.

Dalam konteks kajian ini, kemahiran kebolehpasaran memfokuskan kepada dua keutamaan kemahiran yang dikuasai oleh pelajar di Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara iaitu kemahiran asas / teras (kebolehan membaca, kebolehan menulis, kebolehan mendengar, kebolehan berhubung atau kualiti personel dan kebolehan matematik / mengira) dan kemahiran kedua kemahiran keterampilan di tempat kerja atau kemahiran kompetensi (kebolehan mengurus sumber daya, kebolehan interpersonal, kebolehan mengurus maklumat atau informational dan kebolehan menggunakan sistem dan teknologi).

1.10.3 Kolej Komuniti (KK)

Kolej Komuniti mula diperkenalkan pada tarikh 5 hari bulan Julai 2000 yang dilancarkan oleh Menteri Pelajaran pada ketika itu. Ia telah di tubuh dan dilaksanakan di setiap kawasan parlimen. Dalam skop kajian ini Kolej Komuniti

(KK) adalah pelajar-pelajar yang belajar di semester akhir pengajian sepenuh masa di Jabatan Elektrik di seluruh negara.

1.10.4 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)

Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) atau dahulunya Pusat Latihan Belia di bawah pentadbiran Kementerian Belia dan Sukan mula ditubuhkan pada tahun 1964. Matlamat penubuhannya untuk menyelesaikan masalah pengangguran belia melalui penawaran pelbagai program latihan kemahiran kepada belia keciciran. Dalam skop kajian ini Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) adalah pelajar-pelajar yang belajar pada semester akhir pengajian sepenuh masa di Jabatan Elektrik di seluruh negara.

1.10.5 Motivasi

Motivasi ditakrifkan sebagai tenaga dan keinginan semula jadi setiap individu. Semakin tinggi tahap motivasi, maka semakin tinggi jumlah tenaga yang akan disalurkan. Oleh itu, keinginan yang tinggi dan matlamat yang besar akan menyebabkan tingginya pencapaian prestasi (Mc Devitt dan Ormrod, 2004).

Dicintio dan Stevens (1997) menyatakan motivasi menggambarkan orientasi dua matlamat iaitu matlamat penguasaan dan matlamat ego. Matlamat penguasaan adalah motivasi intrinsik ia merujuk kepada sifat dalaman individu, ia berkaitan dengan meningkatkan kecekapan dan penguasaan melalui usaha. Manakala matlamat ego, adalah motivasi ekstrinsik di mana kejayaan ditentukan dengan merujuk kepada orang lain dan kebimbangan untuk mempamerkan kecekapan supaya dapat dilihat oleh orang lain. Sementara itu Biggs (1987) merumuskan motivasi pencapaian dalam teks psikologi barat, sebagai gambaran bersifat persaingan individu.

Dalam konteks kajian ini motivasi yang dimaksudkan adalah motivasi pencapaian . untuk meninjau dan mengukur sejauh mana pelajar Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara di jabatan elektrik melakukan tugas sesuatu dengan lebih cekap dan cepat.

1.10.6 Konsep Kendiri

